

Headline	Nilai perubatan tumbuhan herba		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jan 2019	Color	Black/white
Section	Mega	Circulation	112,050
Page No	24	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,709
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,127



## Nilai perubatan tumbuhan herba

**D**IANGGARKAN terdapat lebih 15,000 spesies tumbuh-tumbuhan herba di negara ini dengan 2,000 daripadanya dilaporkan mempunyai nilai perubatan. Namun, hanya antara satu hingga tiga peratus yang digunakan untuk penjagaan kesihatan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, **Dr. Xavier Jayakumar** berkata, kementerian menggubal

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (s106-2025) yang mempunyai lima matlamat utama merangkumi pemerkasaan pihak berkepentingan, mengurangkan tekanan ke atas biodiversiti, melindungi ekosistem spesies dan kepelbagaian genetik, memastikan faedah daripada penggunaan biodiversiti dikongsi secara adil dan membangunkan keupayaan semua pihak yang

berkepentingan.

“Kerajaan menyasarkan sumbangan industri herba kepada Pendapatan Negara Kasar sebanyak RM2.2 bilion menjelang 2020 di samping menawarkan 2,000 peluang pekerjaan,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma (MAPS) Ke-15 di Kepong baru baru ini. Teks ucapan beliau dibacakan

Timbalannya, **Tengku Zulpuri Shah Raja Puji**.

Bercakap kepada media kemudiannya, Tengku Zulpuri Shah berkata, kerajaan sedia mengadakan perbincangan serta pertimbangan semula terhadap cadangan penanaman pokok ketum. Pihaknya juga sedia mengadakan perbincangan dengan pihak yang berkaitan bagi mendapatkan pandangan mengenai sama ada herba

seperti ketum boleh dikomersialkan untuk tujuan positif.

“Tiada masalah dibawa ke peringkat Kabinet, tetapi kita mahukan ia dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan tanaman herba seperti ketum dapat memberikan manfaat dalam perubatan sekali gus kepada orang ramai.

“Ia dapat dilakukan menerusi penyelidikan termasuk dengan FRIM,” ujarnya